

PENGUNAAN TANPA KEBENARAN PETAK LETAK KENDERAAN AWAM BAGI LORI DAN KENDERAAN BERAT

Aktiviti tanpa kebenaran melibatkan peletakan lori dan kenderaan berat di petak letak kenderaan awam di salah satu kawasan komersial di Mukim Berakas telah diarahkan untuk dihentikan kerana melanggar Seksyen 23(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248.

Kehadiran lori dan kenderaan berat ini telah mengurangkan jumlah petak letak kenderaan yang disediakan untuk kegunaan orang awam dan penyewa lain. Kawasan petak letak kenderaan di zon komersial dan perindustrian merupakan kemudahan bersama yang bertujuan untuk kegunaan orang awam dan penyewa. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk tidak mencerooboh atau menyalahgunakan kemudahan awam tersebut bagi kepentingan peribadi atau komersial.

Selain menjejaskan kemudahan awam, peletakan lori dan kenderaan berat juga boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya berikutan saiz dan sifat operasi kenderaan tersebut. Aktiviti sedemikian turut menjejaskan keteraturan dan persekitaran kawasan komersial berkenaan.

Hasil daripada pemantauan dan pemeriksaan berkala, didapati bahawa syarikat telah mematuhi arahan Pihak Berkuasa dengan mengeluarkan lori dan kenderaan berat dari petak letak kenderaan awam yang terlibat.

Pihak Berkuasa mengingatkan orang ramai bahawa sebarang bentuk pembangunan atau perubahan guna tanah tanpa Kebenaran Perancangan boleh mendatangkan risiko keselamatan dan menjejaskan kesejahteraan awam. Seksyen 23 Akta tersebut menetapkan bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan pembangunan di atas mana-mana tanah, membahagikan atau menggabungkan mana-mana tanah, atau menjalankan apa-apa kerja di dalam kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan termasuk denda sehingga \$200,000, dan bagi kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga \$10,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Bagi sebarang aduan atau nasihat perancangan, orang ramai boleh menghubungi talian Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di 8200 222.